



SIARAN MEDIA

MENARA KUALA LUMPUR DISINARI CAHAYA BIRU SEMPENA HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2026

PUTRAJAYA, 14 Mei 2026 – Menara Kuala Lumpur akan disinari cahaya biru pada malam 18 Mei 2026 sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2026 yang bakal diraikan di seluruh dunia pada 18 Mei ini. Usaha ini adalah dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara dan LSH Service Master Sdn.Bhd (pengurusan Menara KL).

Pada tahun ini, sambutan ini membawa tema “Museums Uniting a Divided World” atau “Muzium sebagai Wadah Penyatuan Dunia yang Terpisah”, yang menekankan peranan institusi muzium sebagai medium penting dalam membina kefahaman, memperkukuh perpaduan serta merapatkan jurang budaya dan sosial dalam masyarakat global yang semakin mencabar. Inisiatif pencahayaan biru ini merupakan simbol sokongan terhadap usaha memperkasakan muzium sebagai institusi ilmu, warisan dan pendidikan. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, kementerian komited untuk terus memperkukuh sektor warisan dan permuziuman negara agar kekal relevan, inklusif dan dekat dengan generasi muda melalui pendekatan pendidikan, teknologi dan penglibatan komuniti.

Orang ramai dijemput untuk bersama-sama menyemarakkan sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2026 dengan mengunjungi muzium-muzium di seluruh negara serta menyertai pelbagai program pendidikan, kebudayaan dan warisan yang dianjurkan.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

14 Mei 2026

KPN.100-9/1/16 (47)